

# Sentimen perkauman pengaruhi pilihan pengundi

Oleh LUKMAN ISMAIL  
(WARTAWAN UTUSAN)

MELIHAT senario kekalahan beberapa negeri ke tangan pembangkang, khususnya di Pulau Pinang, Perak dan Selangor serta beberapa kubu kuat Barisan Nasional (BN) di negeri-negeri lain yang dirampas pembangkang, satu kesimpulan yang boleh dibuat ialah sikap pengundi bukan Melayu yang cenderung menyokong calon pembangkang.

Persoalan yang timbul ialah kenapa hal ini berlaku?

Isu-isu sentimen perkauman yang dicetuskan pembangkang di Pulau Pinang yang turut mempengaruhi para pengundi Cina di negeri-negeri lain, isu Hindu Right Action Force (Hindraf) yang mempengaruhi kalangan pengundi India dan isu kenaikan harga barang dan petrol melibatkan semua kaum.

Pada masa yang sama, peranan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai penyimbang minyak di atas api sentimen-sentimen itu menambah lagi pemberontakan rasa sehingga mempengaruhi para pengundi pada Sabtu lalu.

Bayangan bahawa akan berlaku satu gelombang besar di kalangan pengundi sudah kelihatan apabila Pas mengakui bahawa parti itu kini mendapat sokongan daripada kaum-kaum Cina dan India di seluruh negara, namun isyarat itu gagal dikesan oleh BN.

Mungkin jentera BN menganggap pengakuan Pas itu satu 'lawak jenaka' kerana selama ini Pas diakui merupakan parti yang memperjuangkan Islam yang sudah tentu akan ditolak oleh para pengundi bukan Islam.

Isu-isu yang disebutkan serta 'lawak' yang dibawa Pas ini seolah-olah dipandang remeh oleh BN khususnya komponen parti yang mewakili kaum-kaum terbabit. Tiada sebarang usaha kelihatan diusahakan untuk mengembalikan kepercayaan kaum-kaum yang diwakili terhadap kerajaan.

Sebaliknya mereka cenderung untuk bercakaran mengenai hal-hal yang tidak sepatutnya dibincangkan secara terbuka seperti isu penambahan kerusi di dalam pilihan raya, calon Ketua Menteri Pulau Pinang, perebutan kerusi dan lain-lain melibatkan kepentingan parti komponen masing-masing, bukannya BN.

Hal-hal tersebut kemudiannya dimanipulasikan oleh pihak pembangkang dan dijadikan peluru senjata di dalam kempen-kempen sepanjang pilihan raya berlangsung.

Akhirnya berlakulah keputusan yang kita semua ketahui akibat gelombang yang dicetuskan pengundi yang gagal dikesan oleh BN, apa lagi mahu ditangani sehingga pada asalnya suasana itu tenang, kemudian dikocak oleh para pembangkang sehingga wujudlah gelombang besar tersebut.

Bagaimana dengan pengundi Melayu?

Dilihat kepada senario kekalahan di Selangor dan Perak serta iktibar daripada kemenangan BN di Terengganu, Perlis dan Melaka, dapat disimpulkan bahawa para pengundi Melayu lebih cenderung untuk memberi sokongan kepada BN khususnya calon-calon dari UMNO.

Hal ini kerana orang Melayu merasakan hak mereka sebagai kumpulan majoriti di negara ini dipinggirkan oleh kaum bukan Melayu yang menjadi kumpulan minoriti. Mereka mual dan muak dengan pelbagai tuntutan yang tidak munasabah kumpulan terbabit sehingga ada di antaranya memaksa kerajaan tunduk mengalah.

Sentimen-sentimen inilah antara menyebabkan orang Melayu khususnya mereka yang berada di atas pagar cenderung memihak kepada kerajaan di samping sokongan padu penyokong kerajaan sejati di kebanyakan negeri yang majoritinya Melayu.

Jika benar senario politik ini berlaku di Malaysia pada pilihan raya kali ini, maka ia satu yang sangat membimbangkan.

Oleh sebab itu, seluruh pemimpin BN perlu mencari jalan penyelesaian terbaik agar sentimen seperti ini lenyap di kalangan rakyat. Jika ia gagal diredakan dalam tempoh beberapa tahun ini, keputusan pilihan raya akan datang mungkin lebih buruk bagi BN.